

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

SIRI JELAJAH BITCOM DI UITM CAWANGAN NEGERI SEMBOLAN: MENYEMAI BUDAYA PENGKOMERSIALAN PENYELIDIKAN

¹Norliza Dzakaria, ²Nurain Aziman, ³Suzana Baharudin

**¹Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.**

**²Pusat Pengajian Teknologi Industri, Fakulti Sains Gunaan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.**

**³Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik Dan Matematik,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.**

Pada tanggal 24 Februari 2025, Unit Inovasi dan Pengkomersialan (UIP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah berbesar hati menerima kedatangan pasukan dari Bahagian Inovasi dan Pengkomersialan (BITCOM), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UiTM Shah Alam. Kunjungan ini diadakan bersempena pelaksanaan Siri Jelajah BITCOM yang merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan UiTM untuk mengukuhkan jaringan penyelidikan dan inovasi serta memperkasa agenda pengkomersialan di kalangan warga akademik UiTM.

Program ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat HEP, Bangunan Pentadbiran Kampus Seremban dan disertai oleh 21 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah dari ketiga-tiga kampus di bawah UiTM Negeri Sembilan. Melalui program ini, BITCOM telah menyediakan ruang dan peluang kepada para penyelidik untuk berkongsi hasil penyelidikan yang berpotensi tinggi, selain menerima maklum balas dan panduan awal berkaitan laluan komersial yang boleh diterokai.

Kehadiran pasukan BITCOM yang diketuai oleh Pengarahnya, Prof. Ir. Dr. Ahmad Sabirin Zoolfakar, telah memberi nilai tambah yang besar kepada sesi ini. Para peserta telah berpeluang berinteraksi secara terus bersama beliau dalam sesi libat urus yang sangat interaktif dan informatif. Penjelasan yang diberikan merangkumi aspek perlindungan hak harta intelek, proses pengkomersialan produk, serta bentuk sokongan dan fasilitasi yang disediakan oleh BITCOM bagi membantu penyelidik membawa hasil ciptaan mereka ke pasaran sebenar.

Program ini memberi impak yang jelas kepada usaha meningkatkan kesedaran dan pemahaman di kalangan penyelidik terhadap kepentingan pengkomersialan. Ia bukan sahaja mendorong pensyarah untuk melihat hasil penyelidikan mereka dari sudut nilai pasaran, malah turut menyemai budaya keusahawanan dalam komuniti akademik. Inisiatif ini secara tidak langsung menyumbang kepada matlamat universiti untuk menjadikan hasil penyelidikan sebagai salah satu sumber pendapatan strategik.

Penganjuran Siri Jelajah BITCOM di UiTM Negeri Sembilan ini juga berjaya merapatkan hubungan antara penyelidik di peringkat kampus cawangan dengan pasukan sokongan dari BITCOM di peringkat pusat. Hubungan ini penting dalam memastikan penyelidik sentiasa dibimbing dan diberi akses kepada sumber serta maklumat terkini berkaitan pengkomersialan.

Melalui penganjuran program ini, UiTM jelas komited memperkuuh kedudukannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang bukan sahaja menekankan kecemerlangan akademik, malah turut aktif membudayakan inovasi dan penyelidikan berimpak tinggi yang mampu memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat dan industri. Semoga usaha murni ini terus menyemarakkan semangat inovatif di kalangan warga UiTM Negeri Sembilan khususnya dan menjadi pemangkin kepada penghasilan produk tempatan yang berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.



Gambar 1: Penerangan oleh Prof. Ir. Dr. Ahmad Sabirin Zoolfakar, Pengarah BITCOM, mengenai inovasi dan pengkomersilan.



Gambar 2: Poster hebahan bagi Program Siri Jelajah BITCOM ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan 2025.



Gambar 3: Prof. Ir. Dr. Ahmad Sabirin Zoolfakar, Pengarah BITCOM, sedang menandatangani buku pelawat.



Gambar 4: Gambar kenangan semua peserta dan Prof. Ir. Dr. Ahmad Sabirin Zoolfakar, Pengarah BITCOM serta wakil dari BITCOM.